

# Ain tetap berjaya walaupun tanpa ibu dan ayah di sisi

**"MAK...ayah... Ain harap mak ayah dapat 'lihat' Ain berjalan di atas pentas dan genggam diploma hasil usaha tiga tahun ini,"** kata pelajar yatim piatu Ain'nurulfarhana Ramli, 21, yang menerima Diploma Pengurusan Perladangan Makanan, semalam.

Pelajar Fakulti Sains Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu, Sarawak itu antara 6,500 mahasiswa diraikan ketika Majlis Istiadat Konvokesyen ke-41 UPM di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ain yang kehilangan ibu dan bapanya sejak dilahirkan berharap mereka dapat hadir ke majlis konvokesyen semalam, namun dia reda dengan ketentuan takdir.

Katanya, dia tidak pernah melihat wajah dan tidak tahu bagaimana ibu dan bapanya meninggal dunia, malah tidak mahu tahu mengenai perkara itu kerana bimbang akan terus berasa sakit dan sedih.

Selepas ibu dan bapanya, Rabiah Jailani dan Ramli Pik meninggal dunia, dia yang juga anak tunggal dalam keluarga dijaga ibu saudara yang merupakan kakak kepada bapanya.

"Saya memang tak tahu dan tak nak tahu mereka meninggal

dunia kerana apa, cukuplah saya tahu mereka sudah tiada.

"Hari ini (semalam) memang saya harap mak dan ayah ada di sini tapi tak apalah mungkin ALLAH akan temukan kami di tempat lain. Sedih juga lihat ibu bapa kawan-kawan semua datang, sedangkan saya tiada siapa-siapa...tapi tak apalah," katanya.

Menurutnya, panggilan 'mak' diberi kepada ibu saudaranya, Kamariah Yop Mat Yatim dan Allahyarham Zaleha Yop Mat Yatim (adik bapanya) kerana menjaganya sejak kecil.

"Saya membesar dengan mak saudara dan sepupu, namun seorang daripada mak saudara saya meninggal dunia ketika saya jalani praktikal tahun lepas.

"Terima kasih mak sebab jaga Ain, diploma ini juga hadiah buat mak sebab susah payah jaga Ain selama ni.

"Terima kasih juga kepada kakak yang merupakan anak kepada Mak sebab tanggung pengajian selama ni," katanya.

Ain sebelum itu berkata, meskipun nasibnya tidak seperti rakan yang lain, namun dia bersyukur masih berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Ada orang lebih susah daripada saya dan mungkin tiada peluang belajar, jadi saya bersyukur atas sokongan yang saya dapat hingga sampai ke

tahap ini. Saya tak pernah rasa terpinggir kerana status yang dipegang selama ini," katanya.

Ain tidak dapat membendung kegembiraan yang dirasa setelah berjaya menggenggam segulung diploma meskipun tanpa ayah dan ibu di sisi.

